

PCB 2015

TAKLIMAT OLEH :

ENCIK ISMAIL BIN IBRAHIM

PENGURUS UNIT

PENGESANAN/PENGUATKUASAAN DAN UNIT

KHIDMAT PELANGGAN.




PENGENALAN - KUASA UNTUK MEMOTONG PCB

Akta Cukai Pendapatan 1967

subseksyen 107(2)



Majikan dikehendaki
memotong cukai
pendapatan yang kena
dibayar daripada saraan
bulanan seseorang
pekerja.




PENGENALAN - KUASA UNTUK MEMOTONG PCB




Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994 (Kaedah PCB)

Kaedah 3



majikan dikehendaki membuat potongan cukai bulanan (PCB) daripada saraan pekerja pada setiap bulan atau mana-mana bulan untuk untuk membayar anggaran cukai taksiran tahun semasa (PCB).

Kaedah 4



LHDNM boleh mengeluarkan arahan kepada majikan untuk memotong saraan pekerja bagi menjelaskan tunggakan cukai tahun terdahulu (CP38).

Kaedah 10



majikan hendaklah membuat bayaran PCB kepada Ketua Pengarah pada atau sebelum **15** haribulan bulan berikutnya (mulai gaji bulan Januari 2015).

3

PENGENALAN - KUASA UNTUK MEMOTONG PCB



Warta Kerajaan Kaedah PCB

P.U. (A) 468
Tahun 2009



Tarikh berkuatkuasa mulai saraan Januari 2009

Nota

Penerangan dan Jadual PCB diwartakan sekali dalam Kaedah PCB.

P.U. (A) 485
Tahun 2009



Tarikh berkuatkuasa mulai saraan Januari 2010

P.U. (A) 285
Tahun 2012



Tarikh berkuatkuasa mulai saraan Januari 2012

P.U. (A) 314
Tahun 2013



Tarikh berkuatkuasa mulai saraan Januari 2014

Maklumat penting berkaitan penentuan PCB dan Formula sahaja diwartakan.

P.U. (A) 362
Tahun 2014



Tarikh berkuatkuasa mulai saraan Januari **2015**

*Nota Penerangan, contoh pengiraan dan Jadual PCB boleh diperoleh di laman web Hasil

- Garis Panduan PCB.

4

OBJEKTIF



- Potongan ini bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai sebenar ditentukan.
- Pembayar cukai layak untuk memilih tidak hantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) (PCB sebagai Cukai Muktamad) sekiranya penentuan PCB adalah tepat atau sama dengan cukai yang perlu dibayar dengan syarat memenuhi kriteria seperti dalam Sek 77C(1), ACP 1967.

5

OBJEKTIF – PCB Sebagai Cukai Muktamad



- Sek 77C(1), ACP 1967 – Tahun 2014:

5 syarat yang perlu dipatuhi adalah:

- (a) pekerja menerima pendapatan penggajian sahaja kecuali Manfaat Berupa Barang (MBB) dan Nilai tempat kediaman(NTK); (*paragraph 13(1)(b) or (1)(c)*);
- (b) PCB pekerja adalah berdasarkan Kaedah PCB;(sek.107(2))
- (c) pekerja yang berkhidmat dengan majikan yang sama dalam tempoh 12 bulan dalam tahun kalender;
- (d) cukai tidak ditanggung oleh majikan; dan
- (e) individu tidak memilih untuk taksiran bersama (sek. 45).

OBJEKTIF – PCB Sebagai Cukai Muktamad



- Sek 77C(1), ACP 1967 – Tahun 2015:

5 syarat yang perlu dipatuhi adalah:

- (a) pekerja menerima pendapatan penggajian sahaja ~~kecuali Manfaat Berupa Barang (MBB) dan Nilai tempat kediaman (NTK)~~;
- (b) PCB pekerja adalah berdasarkan Kaedah PCB; (subseksyen 107(2))
- (c) pekerja yang berkhidmat dengan majikan yang sama ~~dalam tempoh 12 bulan~~ dalam tahun kalender;
- (d) cukai tidak ditanggung oleh majikan; dan
- (e) individu tidak memilih untuk taksiran bersama (sek. 45).

7

PELAKSANAAN PCB



- PCB ialah suatu mekanisme potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan semasa pekerja mengikut formula-formula yang diluluskan oleh Ketua Pengarah (selepas ini dirujuk sebagai **formula untuk Jadual Potongan Cukai Bulanan** dan **formula Pengiraan Berkomputer**).
- **Jadual PCB** yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam **Garis Panduan** adalah bagi memudahkan majikan yang **tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer** dalam menentukan PCB bagi pekerjanya.
- Majikan yang **tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer** adalah **digalakkan** menggunakan sistem atau aplikasi **Kalkulator PCB** atau **e-PCB** yang dibangunkan oleh LHDNM yang boleh diperoleh dari laman sesawang LHDNM.

8

KAEDAH PELAKSANAAN PCB



(a) Jadual Potongan Cukai Bulanan;

Jadual Potongan Cukai Bulanan dikeluarkan oleh LHDNM dalam Garis Panduan bagi majikan yang tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer.

(b) Pengiraan Berkomputer.

Majikan yang menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer yang disediakan oleh pembekal perisian atau dibangunkan atau diubah suai oleh majikan mengikut spesifikasi yang ditentukan dan disemak oleh LHDNM;

atau

Majikan yang menggunakan sistem atau aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM yang boleh diperoleh dari laman sesawang LHDNM.

9

PELAKSANAAN PCB



- Pengiraan PCB boleh dilaras dengan:**

- i. Mengambilkira pengecualian kepada elaun-elaun yang dikecualikan cukai; dan
- ii. Pekerja boleh menuntut potongan/rebat cukai melalui Borang TP1 sekurang-kurangnya dua kali setahun melalui majikan.
- iii. Memaklumkan perubahan maklumat peribadi kepada majikan; dan
- iv. Mengemukakan Borang TP3 kepada majikan bagi memaklumkan maklumat berkaitan penggajian dengan majikan terdahulu dalam tahun semasa.

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



i. SARAAN

Definisi saraan

- Saraan ertiannya pendapatan berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah PCB:
“Saraan” ertiannya pendapatan berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 13(1) Akta’.
- Semua jenis pendapatan penggajian (termasuk MBB/NTK) adalah dikenakan PCB mulai tahun 2015.

11

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



ii. SARAAN

Jenis saraan adalah seperti berikut:

- | | | | |
|--------|--|--------|--------------|
| (i) | gaji; | (ii) | upah; |
| (iii) | bayaran kerja lebih masa; | (iv) | komisen; |
| (v) | tip; | (vi) | elaun; |
| (vii) | bonus atau insentif; | (viii) | fi pengarah; |
| (ix) | perkuisit; | | |
| (x) | skim opsyen saham pekerja (SOSP); | | |
| (xi) | cukai yang ditanggung oleh majikan; | | |
| (xii) | ganjaran; | | |
| (xiii) | pampasan kerana kehilangan pekerjaan; atau | | |
| (xiv) | saraan lain berhubung dengan penggajian. | | |

12

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



III. SARAAN

Manfaat Berupa Barang (MBB)

- MBB adalah manfaat berupa barang yang tidak boleh ditukarkan kepada wang. Manfaat ini dianggap sebagai pendapatan kasar daripada pengajian di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967.
- Nilai MBB hendaklah ditentukan berdasarkan kepada Ketetapan Umum 3/2013 yang telah dikeluarkan pada 15/03/2013.
- Mulai tahun 2015, MBB adalah diwajibkan dalam penentuan PCB.

13

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



iii. SARAAN

Cara penentuan Manfaat Berupa Barang (MBB)

- Kaedah Formula :
 - Kos asal sesuatu aset
 - Tempoh hayat bagi setiap aset seperti di nyatakan dalam Ketetapan Umum 3/20013.
 - Pelarasan diperlukan jika ;
Penggunaan kurang 1 tahun, dikongsi dengan pekerja lain dan sebahagian aset diguna untuk tujuan perniagaan.

Formula : $\frac{\text{Kos Aset}}{\text{Jangka Hayat Aset}}$ = Nilai menfaat setahun

- Kaedah melalui nilai ditetapkan :
 - Kaedah altenatif kepada pekerja
 - Jadual Nilai ditetapkan oleh LHDN
 - Pelarasan diperlukan jika :
Tempoh kurang setahun, berkongsi dengan pekerja lain, tiada pengurangan jika aset diguna untuk perniagaan.

14

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



iv. SARAAN

Nilai Tempat Kediaman (NTK)

- NTK merupakan nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya. Nilai manfaat ini dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c), ACP, 1967. Nilai NTK hendaklah ditentukan berdasarkan kepada Ketetapan Umum No. 3/2005 dikeluarkan pada 11 Ogos 2005 oleh LHDNM.
- Merupakan MBB yang tidak boleh ditukar dengan wang.
- NTK ialah nilai kediaman tanpa perabut, jika perabut disediakan tertakluk kepada perenggan 13(1)(b) ACP 1967 (MBB).
- **Mulai tahun 2015, NTK adalah diwajibkan dalam penentuan PCB.**

15

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



iv. SARAAN

Nilai Tempat Kediaman (NTK)

- Pengiraan nilai NTK.
 - . Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja.
 - . Premis kediaman disediakan kepada Pengarah Syarikat Terkawal.
 - . Premis kediaman disediakan kepada pekerja / Pengarah Urusan / Pegawai Kerajaan / Badan Berkanun.
- Pengiraan NTK. Berdasarkan.
 - . Nilai tertentu
 - . Nilai boleh ditaksir iaitu nilai tahunan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.
 - . Nilai Pasaran iaitu nilai yang boleh diperolehi, jika diniagakan antara pembeli dan penjual.

16

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



iv. SARAAN

Penentuan nilai bulanan MBB/NTK

Nilai MBB/NTK bulanan hendaklah ditentukan berdasarkan kepada formula berikut:

Nilai bulanan = Nilai MBB/NTK setahun

12 bulan

@

= Nilai MBB/NTK setahun

baki bulan masih ada

termasuk bulan semasa

17

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



v. SARAAN

Perkuisit Daripada Penggajian

- Perkuisit merupakan manfaat dalam bentuk tunai atau dalam bentuk barang yang boleh ditukar kepada wang (*selain gaji/upah/elaun dll*), yang diterima oleh pekerja dari majikan atau dari pihak ketiga, berkaitan dengan menjalankan sesuatu penggajian.. Nilai manfaat ini dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a), dan *dikenakan cukai di bawah Seksyen 4 (b) ACP. 1967.*
- Perkuisit ditentukan berdasarkan kepada Ketetapan Umum No. 2/2013 dikeluarkan pada 28 Februari 2013 oleh LHDNM.
- Mulai tahun 2015, Perkuisit adalah diwajibkan dalam penentuan PCB.

18

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



v. SARAAN Perkuisit Daripada Penggajian

- Bagaimana perkuisit boleh terbit daripada penggajian
 - . Perkuisit boleh diterima dalam bentuk tetap atau kasual.
 - . Perkuisit boleh diterima dalam bentuk tunai atau barang, jika diterima dalam bentuk barang, barang tersebut boleh ditukar dengan wang.
 - . Perkuisit boleh terbit daripada kontrak penggajian yang ditandatangani atau diberi oleh majikan atau diterima dari pihak ketiga secara sukarela.
 - . Perkuisit **hanya dicukai**, jika terbit berkaitan dari penggajian yang dijalankan.

19

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



v. SARAAN

Jenis Perkuisit Daripada Penggajian

- Tanggungan kewangan pekerja oleh majikan.
- Kemudahan kad kredit
- Faedah pinjaman
- Keahlian kelab rekripsi
- Tusyen atau yuran persekolahan anak
- Premium insuran nyawa
- Tukang kebun, pemandu, pembantu rumah dan pengawal
- Pinjaman atau pendahuluan yang dihapuskan
- Aset diberi percuma atau dijual pada harga diskau
- Yuran profesional
- Pemberian komputer pribadi dll

Pada dasarnya semua perkuisit yang diterima dikenakan cukai melaikan dinyatakan sebaliknya.

20

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



vii. KATEGORI SARAAN

“SARAAN BIASA”

“Saraan Biasa” ertinya saraan bulanan tetap yang dibayar kepada pekerja sama ada amaun yang dibayar adalah tetap atau berubah-ubah sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan secara bertulis atau sebaliknya.

21

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



viii. KATEGORI SARAAN

“SARAAN TAMBAHAN”

“Saraan tambahan” ertinya apa-apa bayaran tambahan kepada saraan biasa bulan semasa yang dibuat kepada pekerja sama ada secara sekaligus, berkala, tertunggak atau bayaran yang tidak tetap.

22

MAKLUMAT BERKAITAN PENENTUAN PCB



viii. KATEGORI SARAAN “SARAAN TAMBAHAN”

Saraan tambahan itu termasuklah:

- (i) bonus atau insentif;
- (ii) tunggakan gaji atau apa-apa tunggakan lain yang dibayar kepada pekerja;
- (iii) skim opsyen saham pekerja (jika pekerja memilih potongan PCB);
- (iv) cukai yang ditanggung oleh majikan;
- (v) ganjaran;
- (vi) pampasan untuk kehilangan pekerjaan;
- (vii) ex-gratia;
- (viii) fi pengarah (tidak dibayar secara bulanan);
- (ix) komisen (tidak dibayar secara bulanan);
- (x) elaun (tidak dibayar secara bulanan);
- (xi) apa-apa bayaran lain sebagai tambahan kepada saraan biasa bulan semasa.

23

PERINGATAN KEPADA MAJIKAN




a. Tanggungjawab Majikan

- . Majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap PCB yang dipotong.
- . Membuat potongan PCB yang tepat dan remit ke LHDNM
- . Membenarkan tututan pekerja melalui TP1 sekurangnya DUA kali setahun.
- . Simpan semua rekod dan maklumat berkaitan sehingga 7 tahun
- . Laporkan pendapatan pekerja tunai dan bukan tunai dalam Borang EA/EC setiap tahun
- . Lengkapkan Borang E dan kembalikan selewat-lewatnya pada 31 Mac setiap tahun.

b. Tanggungjawab Pekerja

- . Memberi maklumat yang lengkap/ mengemaskini maklumat.
- . Mengisi maklumat tuntutan melalui TP1 kepada majikan setiap tuntutan dikemukakan.
- . Simpan semua rekod tuntutan untuk tempoh 7 tahun
- . Pekerja bertanggungjawab sepenuhnya terhadap maklumat yang diberikan, supaya PCB tidak terkurang atau terlebih potong

PERINGATAN KESALAHAN MAJIKAN



TERIMA KASIH

www.hasil.gov.my

/Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri

/LHDNM

1-800-88-5436 (LHDN)

HASIL Teman Keceriaan Anda

